

08/02/2004

Pak Lah bukan replika Dr Mahathir

Karim Raslan

SAYA masih ingat lagi bagaimana kira-kira tiga tahun lalu, saya merujuk Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai 'lelaki yang dipandang rendah'. Saya juga menggambarkan bagaimana beliau agak pantas menapak naik dalam Umno tanpa menunjuk-nunjuk beliau mahu menduduki kerusi nombor wahid. Jelaslah, kejituan politik beliau terselindung dengan baik di sebalik sikapnya yang seolah-olah kurang bercita-cita tinggi.

Pada pertengahan 1990-an, kita cukup kagum dengan era hartawan, projek mega dan program pembangunan besar-besaran seantero negara - apabila besar sudah tentunya lebih baik. Tidak menghairankan jika ketenangan dan ketertiban Abdullah kelihatan janggal serta ketinggalan pada waktu itu.

Namun begitu, sejak beliau menduduki kerusi Perdana Menteri, gaya telus tanpa berbunga-bunga inilah yang membuatnya popular dan diterima baik secara menyeluruh lantas menyerlahkan betapa rakyat Malaysia sebenarnya merindukan - jika tidak pun mengidamkan - gaya tenang dan jujur yang beliau paparkan. Seharusnya kita tidak lupa bahawa dalam tempoh peralihan, nilai budi berzaman kekal ampuh malah terus menarik serta diidam-idamkan.

Abdullah yang lebih dikenali sebagai Pak Lah, bukanlah seorang yang memiliki kuasa luar biasa. Pak Lah tidak berpura-pura yang beliau mempunyai jawapan bagi semua cabaran yang dihadapi negara kita. Beliau contoh unggul seorang Melayu yang budiman - beliau teliti lagi rajin, prihatin serta jujur dan berhemat.

Ternyata Pak Lah tegas sepanjang 100 hari yang lampau, lantas menyebabkan tanggapan umum dikilaskan dan membuatkan orang yang sinis tergamam. Beliau bukan replika Dr Mahathir, sebaliknya beliau cukup mantap dengan pendekatannya yang tersendiri.

Beliau mampu bersikap tegas dan adil pada waktu yang sama. Beliau tegas apabila kepentingan negara menghadapi risiko - menundakan projek landasan kereta api yang berprofil tinggi tetapi tidak diperlukan. Sebaliknya, beliau boleh bertolak ansur apabila perlu, misalnya dengan menghulurkan salam persahabatan kepada Singapura dengan semangat murah hati yang luar biasa (dan sama sekali di luar jangkauan) sewaktu sambutan Tahun Baru Cina.

Memang beliau bernasib baik kerana negara berada dalam keadaan aman dan makmur. Harga minyak sawit dan petroleum yang kukuh, pembangunan pesat di China dan pantulan semula ekonomi Amerika Syarikat telah memperkukuhkan ekonomi domestik.

Namun masih ada pelbagai cabaran yang harus diatasinya pada masa mendatang. Yang pertama dan utama, ada di kalangan ahli Umno yang masih tidak mahu bertaubat dan berubah. Mereka yang setia pada parti menyedari kebolehan Abdullah memancing undi lantas menjadi terlalu yakin - ini berbahaya. Ada tokoh bertindak melampau hingga sanggup melupakan prinsip dan disiplin dalam parti akibat sifat tamak yang membara.

Cabaran kedua ialah peranan agama Islam dalam kehidupan khalayak Malaysia. Dalam satu ucapannya baru-baru ini Abdullah menyatakan: "Kedudukan dan kuasa yang diamanahkan kepada saya adalah ujian daripada Allah untuk hamba-Nya yang hina. Jika ia boleh digunakan dengan integriti, kejujuran dan adil, maka hamba yang hina ini akan lulus ujian ini. Kegagalan untuk melakukannya adalah beban yang berat untuk ditanggung di dunia ini dan juga di alam baqa."

Penyataan mengenai tanggung jawabnya kepada manusia - malah lebih-lebih lagi terhadap hidayah Allah - lebih daripada percaturan politik. Ia juga

tanda yang menunjukkan peranan penting kepercayaan kepada kuasa Allah yang dibayangkan dalam gaya kepimpinan Abdullah.

Kredibiliti dan kewajaran Abdullah sebagai pemimpin Islam adalah antara kekuatan utama beliau sebagai pemimpin negara dan parti. Pengetahuan mendalam beliau mengenai al-Quran bermakna beliau mampu dan bersedia memperkatakan mengenai Islam dengan pemahaman yang lebih progresif dan moden.

Dalam satu ucapannya pada tahun lalu, Abdullah menyatakan: "Islam yang dinamik dan moden...bukan yang statik, menghalang, jumud dan bukan berakar umbi dalam literalisme." Sokongan beliau terhadap ijtihad al-Quran secara kontemporari bertentangan dengan pandangan Pas yang literal.

Hanya beliau yang mampu menghujah dan mengetengahkan visi Umno yang lebih moden mengenai amalan Islam. Namun Abdullah harus memastikan yang pada tahun-tahun yang mendatang, Umno akan sarat dengan lelaki dan wanita yang berkongsi wawasan dan pemahaman Islam beliau. Inilah tanggungjawabnya yang paling penting dan beliau tidak harus meninggalkan Putrajaya selagi belum mencapai matlamat ini.

Ketiganya, Perdana Menteri mesti memerhatikan Kementerian Kewangan (MoF) dengan penuh ketelitian. Sebahagian besar daripada kewajaran kerajaan terletak dan bergantung pada kebijaksanaan dan keutuhan pengurusan ekonominya. Pelantikan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop suatu tanda jelas bahawa kalangan profesional kini mengambil alih portfolio itu. Kerancangan pasaran saham bukti nyata langkah ini mendapat kelulusan umum.

Keempatnya, Abdullah perlu mengeratkan lagi Umno serta Barisan Nasional dengan rakyat. Personalitinya yang tidak menonjol banyak membantu dalam hal ini. Mujurlah, biarpun Perdana Menteri kita ini sudah dalam lingkungan enam puluhan (beliau berusia 63 tahun), beliau berjaya mendekati jiwa rakyat yang lebih muda.

Sifat beliau yang berterus terang dan telus, mewujudkan hubungan langsung dengan rakyat sewaktu ucapan sulungnya, apabila beliau menyeru rakyat Malaysia supaya `bekerja bersama saya, bukan untuk saya'.

Saya gembira kerana Perdana Menteri kita bijak dan berani - beliau pula dikelilingi kalangan mereka yang berkeelayakan dan berkaliber tinggi dalam lingkungan usia tiga puluhan. Saya menyanjungnya biarpun ada juga yang mengkritik tindakannya itu.

Pada hemat saya, etos semasa di Putrajaya mempunyai sejarahnya tersendiri. Ia mengingatkan kepada keghairahan yang menyelubungi pentadbiran Allahyarham Tun Razak Hussein apabila beliau secara bergilir mengambil dan kemudiannya memupuk karier tokoh muda yang mempunyai masa depan cerah seperti Dr Mahathir, Tan Sri Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah dan juga pegawai awam seperti Allahyarham Raja Tun Mohar Raja Badiozaman dan Allahyarham Tan Sri Zain Azraai untuk menjadi pemimpin yang ternyata menjuruskan bentuk Malaysia moden dan pemimpin yang sentiasa dikenang.

Akhirnya, saya harus menyimpulkan bahawa saya yakin Perdana Menteri akan memenangi pilihan raya umum akan datang dengan cukup selesa. Barisan Nasional akan kembali menguasai banyak kedudukan dan kerusi yang kehilangan pada 1999.